


Buletin IQRA'

2026

Bil. 1/2026 - Januari • eISSN: 2735-1920

PROGRAM WAKAF ILMU – PHD CLINIC



Program Wakaf Ilmu – PhD Clinic telah berjaya dilaksanakan sepanjang bulan Januari 2026 pada 6, 8, 12 & 23 Januari 2026 dengan penglibatan konsultan akademik berpengalaman daripada pelbagai bidang kepakaran.

Sesi konsultasi ini menampilkan:

- Profesor Ir Dr Ahmad Sabirin Zoolfakar (Fakulti Kejuruteraan Elektrik)
- Profesor Madya Dr Fazleen Haslinda Mohd Hatta (Fakulti Farmasi)
- Dr Zainoor Hailmee Solihin (Fakulti Kejuruteraan Mekanikal)

Seramai 8 orang pelajar pascasiswazah telah terlibat dalam sesi konsultasi berfokus yang membantu memperkukuh hala tuju penyelidikan, penulisan tesis dan kualiti kajian akademik. Terima kasih kepada semua konsultan dan pelajar atas komitmen dalam menjayakan inisiatif perkongsian ilmu ini.

MPP UITM 2025/2026 SANTUNI KETUA PUSTAKAWAN, PERKUKUH PERANAN MAHASISWA MEMPERKASA BUDAYA ILMU



Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sesi 2025/2026 telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Pustakawan UiTM bagi memperkukuh kerjasama strategik dalam menyemarakkan budaya ilmu di kampus. Kunjungan yang diketuai oleh Yang Dipertua MPP UiTM, Mohamad Adib Hazim, membincangkan penglibatan mahasiswa dalam program literasi maklumat, galakan membaca, wacana ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat. Ketua Pustakawan UiTM, Ts Haji Azizi bin Haji Jantan, menegaskan peranan mahasiswa sebagai rakan strategik dan ejen perubahan dalam menghidupkan budaya ilmu, sejajar aspirasi universiti.





@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:

03 5521 1704

korporatptar@uitm.edu.my

*Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak,
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam*